



KENYATAAN MEDIA

HORMATI MANGSA TRAGEDI DAN KELUARGA: JANGAN SEBAR ATAU KONGSI VISUAL SERTA GAMBAR MANGSA INSIDEN PESAWAT TERHEMPAS DI ELMINA

CYBERJAYA, 18 OGOS 2023 - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menzahirkan rasa dukacita dan simpati kepada keluarga mangsa nahas pesawat di Elmina.

MCMC ingin mengingatkan orang ramai kepentingan menghormati dan menunjukkan empati yang tinggi. Dalam kejadian pesawat terhempas di Elmina, adalah penting untuk kita menjaga sensitiviti dan mengelakkan diri daripada berkongsi gambar mangsa tragedi.

Berkongsi gambar mahupun rakaman video mangsa nahas berkenaan bukan sahaja boleh menyinggung perasaan keluarga mangsa malah melanggar prinsip serta etika yang paling asas.

Adalah penting untuk semua individu untuk membuat pertimbangan sewajarnya dengan menurunkan gambar mangsa tragedi dan tidak menyebarkan atau berkongsi lanjut kandungan berkenaan. Sebarang perkongsian melibatkan gambar atau video mangsa tragedi dan mana-mana pihak yang terlibat boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: +60 3 86 88 80 00 | F: +60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV